

Mengaku bersalah buat kenyataan jelik di Facebook, wanita dipenjara 12 bulan

KUCHING: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan terhadap seorang wanita yang mengaku bersalah membuat kenyataan jelik di Facebook pada Mac lalu dengan niat hendak menyakitkan hati komuniti Islam di Sarawak.

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar menjatuhkan hukuman itu terhadap Suhailah Kadir, 37, yang didakwa mengikut Seksyen 233(1)(a)(i) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Kesalahan itu memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh dengan menggunakan aplikasi Facebook melalui akaun atas namanya telah membuat dan memulakan penghantaran suatu komen yang bersifat jelik dengan niat untuk menyakitkan hati komuniti Islam di Sarawak.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya sekitar jam 4 pagi pada 24 Mac 2026 di sebuah rumah di Kampung Semariang Pinggir di sini.

Berdasarkan fakta kes, kesalahan itu dikesan selepas seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) menerima e-mel daripada seorang rakan setugas berhubung aduan yang dikemukakan menerusi sistem Talkhidmat jabatan itu pada 30 Mac 2026.



DIHUKUM: Suhailah (kanan) dilihat di Kompleks Mahkamah Kuching semalam.

Aduan itu turut disertakan dengan tangkap layar hantaran Facebook yang dipercayai mengandungi kenyataan berunsur provokasi dan penghinaan terhadap agama Islam.

Siasatan awal mendapati Suhailah merupakan pemilik akaun Facebook berkenaan.

Siasatan lanjut oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengesahkan akaun Facebook berkenaan adalah milik Suhailah.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Adriana Maisarah Mohd Farid sementara tertuduh diwakili peguam Wilson Tan Wei Sheng.